

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 JUNE 2017

RISDA agih dividen berjumlah RM106.81 juta kepada 33,864 pekebun kecil

Kebajikan rakyat sentiasa diutamakan - PM

Oleh MOHD. SHARIZA
ABDULLAH dan SHOFI MAT ISA
Pengarang@utusan.com.my

■ PEKAN 3 JUN

SEBANYAK 33,864 pekebun kecil Pihak Berkuasa Kema-juan Pekebun Kecil Perusa-haan Getah (RISDA) di seluruh negara menikmati 'durian run-tuh' apabila kerajaan mengu-mumkan bayaran dividen ber-jumlah RM106.81 juta kepada golongan itu bagi tahun ini.

Jumlah tersebut merangkumi 16,080 peserta Rancangan Tanam Baharu Berkelompok (RTBB) se-banyak RM38.16 juta dan 17,784 peserta Tanam Semula Komersial (TSK) sebanyak RM68.64 juta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika meng-umumkan berita gembira itu berkata, kerajaan tidak per-nah berhenti mencari jalan un-tuk menjaga kebajikan rakyat khususnya yang tinggal di luar bandar termasuk pekebun kecil.

Kata beliau, kebajikan dan

Agenda luar bandar mesti diteruskan kerana kita mahu pembangunan negara yang saksama dan adil meliputi semua kawasan, etnik, peringkat usia dan lain-lain.

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

keperluan golongan itu sentiasa diberi perhatian serta bantuan sewajarnya kerana mereka merupakan teras kepada sokongan kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Agenda luar bandar mesti diteruskan kerana kita mahu pembangunan negara yang sak-sama dan adil meliputi semua ka-wasan, etnik, peringkat usia dan lain-lain," katanya dalam Majlis Penyampaian Dividen RISDA 2017 di Dewan Konvensyen Sultan Haji

Ahmad Shah di sini hari ini.

Yang hadir sama Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; timbalannya, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub; Pengerusi RISDA, Datuk Zahidi Zainul Abidin dan Pengerusi Pembangu-nan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Shafiq Fauzan Sharif.

Dalam majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan Sumbangan Sosial RISDA (SSR) sebanyak RM10,000 kepada lima buah masjid di negeri ini.

Menurut Najib, salah satu ciri pembangunan di negara ini yang mungkin tiada di kebanyakan ne-gara lain adalah pelaksanaan pem-bangunan seimbang dan saksama.

Di kebanyakan negara lain, kata beliau, pembangunan hanya bertumpu di ibu kota atau kota raya tetapi di Malaysia ia dilak-sanakan di setiap ceruk.

"Sedikit sebanyak soal me-ngimbangi pembangunan un-tuk menentukan kesaksamaan itu telah dapat dicapai walau-

pun tidaklah bererti bahawa ia dapat disamakan dengan ka-wasan bandar, tetapi sekurang-kurangnya jurangnya tidak ter-lalu jauh hasil usaha kerajaan," katanya.

Tambah beliau, persekitaran ekonomi yang semakin baik dan menerusi usaha yang dilakukan kerajaan turut membantu me-mulihkan harga komoditi di ne-gara ini.

Umpamanya, kata Perdana Menteri, ketika lawatan ke China tahun lalu, beliau meminta kera-jaan negara itu menambah pem-belian minyak sawit.

"Atas permintaan saya se-masa lawatan itu, kerajaan China pada suku pertama tahun ini bersetuju mem-beli 70 peratus lebih ting-gi berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Begitu juga dengan getah, sedikit sebanyak harga getah bertambah baik. Usaha yang dilakukan kerajaan meliputi segenap la-pisan masyarakat," katanya.

Bayaran dividen RISDA 2017

KESELURUHAN

Jumlah dividen:
RM106,813,181
Peserta:
33,864
Keluasan tanah:
50,229.73 hektar

PECAHAN

Rancangan Tanam Baharu Berkelompok (RTBB)

Jumlah dividen:
RM38,165,600
Peserta
16,080
Keluasan tanah:
19,306 hektar

PECAHAN

Tanam Semula Komersial (TSK)

Jumlah dividen
RM68,647,581
Peserta
17,784
Keluasan tanah
30,923.73 hektar

Ulm - 4/6/2017 pg. 5